

Kereta buatan Malaysia dalam tiga tahun lagi

BH 30 OCT 1982

JITRA, Jumaat — Malaysia akan mengeluarkan kereta buatan sendiri menjelang tahun 1986, demikian diumumkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir hari ini.

Katanya, pengeluaran kereta tersebut akan diusahakan bersama oleh Perbadanan Industri Berat Malaysia (HICOM) dan sebuah syarikat Jepun.

Beliau berkata, projek tersebut telah lama dirancang dan kini sedang menghampiri matlamatnya.

"Memandangkan Malaysia menduduki tempat ketiga di Asia sebagai negara yang banyak membeli kereta iaitu lebih 100,000 buah setahun, maka sudah sampai masanya negara ini membuat keretanya

sendiri," katanya kepada para pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat jawatankuasa UMNO Bahagian Kubang Pasu di Bangunan UMNO di sini.

Perdana Menteri berkata, buat peringkat permulaan rundingan diadakan di sebuah syarikat Jepun bagi meningkatkan penggunaan bahagian-bahagian kereta buatan tempatan seperti tayar dan bateri.

Katanya, kereta buatan Malaysia akan mempunyai rekabentuk yang tersendiri dan unik, tetapi, rekabentuk asalnya akan tetap dikekalkan.

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, projek mengeluarkan kereta buatan tempatan akan memerlukan pelaburan yang besar bagi membina kilangnya yang

Oleh
NAZRI ABDUL

akan dilengkapi dengan gelanggang ujian.

Katanya, rancangan jangka panjang termasuk pembuatan enjin dan bahagian-bahagian kereta di kilang-kilang tempatan.

"Bagaimanapun, langkah pertama mesti diambil kerana kita tidak mungkin membuat semuanya sekaligus memandangkan projek itu memakan masa yang lama," ujarnya.

Beliau yakin kereta buatan tempatan akan mendapat pasaran kerana pasaran yang sedia ada masih tidak mendapat bekalan yang cukup.

Perdana Menteri juga memberitahu untuk menjayakan projek

pengeluaran kereta buatan tempatan, negara perlu mempunyai kilang-kilang membuat kepingan besi dan keluli untuk bahagian badan dan rangka kereta.

Menurutnya, jenis kereta yang akan dikeluarkan dalam lingkungan 1,200 cc hingga 1,600 cc yang popular di kalangan pengguna kereta di negara ini.

Beliau juga memalamkan kereta buatan Malaysia itu akan lebih murah dari kereta yang dipasang siap di negeri ini kerana rakyat digalakkan membeli kereta buatan tempatan.

Mengenai peluang untuk dicket, beliau menegaskan, syarikat berkenaan perlu meningkatkan mutu dan menjamin harga yang baik di pasaran dunia.

Menyentuh tentang

pergolakan politik PAS, Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, beliau masih mengikuti perkembangannya dan belum mengenali corak kepimpinan baru parti itu.

"Saya tahu bagaimanakah corak pimpinan PAS setelah Datuk Haji Asri meletakkan jawatannya," ujarnya.

Beliau, bagaimanapun, menegaskan ahli-ahli PAS masih dipelawa untuk menyertai UMNO.

"Sebagai seorang Islam kita sedia menerima mereka bila-bila masa sahaja," tambahnya.

Datuk Seri Dr. Mahathir kemudian bersembahyang Jumaat di Masjid Asun dan menghadiri mesyuarat UMNO Perhubungan Negeri di Mentalon, malam ini.